

Kemahiran Hidup menepati hasrat



U.M 12 JAN 1994

KUALA LUMPUR 11 Jan — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, mata pelajaran Kemahiran Hidup yang diperkenalkan di sekolah-sekolah kini menepati hasrat kerajaan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara industri.

Katanya, pencapaian yang memberangsangkan yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar dalam mata pelajaran itu dalam peperiksaan merupakan petanda yang baik bagi negara ini yang akan beralih untuk menjadi negara industri.

“Umumnya saya dapati bahawa apa yang diajar dalam mata pelajaran itu diterima baik oleh pelajar dan sekarang ini ternampak murid-murid sama ada lelaki atau wanita lebih faham tentang kerja-kerja tangan seperti prinsip mekanikal dan elektronik,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja hampir empat jam

di Sekolah Menengah Datuk Lokman, Kampung Pandan, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, lawatan beliau bertujuan untuk melihat kemajuan yang telah dicapai dalam mata pelajaran kemahiran hidup yang diperkenalkan bagi menggantikan mata pelajaran Pertukangan Tangan.

Mahathir berkata, rakyat negara ini perlu mengetahui sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara berkaitan dengan mekanikal dan elektronik sebagai persiapan untuk bekerja di kilang-kilang apabila Malaysia menjadi negara industri.

“Kalau dulu kita cuma menumpukan pada perniagaan kecil, runcit dan bidang pertanian sekarang ini hampir semua daripada kita akan bekerja dalam kilang-kilang pembuatan.

“Oleh itu walaupun kita akan menjadi pengurus atau akauntan, ia tidak akan berkesan jika kita tidak mempunyai kefahaman terhadap barang-barang yang akan dikelu-

arkan iaitu dari jenis elektronik atau mekanikal yang akan menjadi bahan eksport utama,” katanya.

Mengenai perubahan atau pendekatan tambahan yang perlu dilakukan terhadap mata pelajaran tersebut, Perdana Menteri berkata, beliau akan berbincang dengan Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr. Sulaiman Daud berhubung perkara itu.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini cara yang digunakan untuk mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup adalah sesuai.

“Saya juga telah mencadangkan supaya setiap sekolah membeli enjin pembakaran dalaman di kedai-kedai besi bagi menerangkan kepada pelajar mengenai keadaan di dalamnya” katanya.

Selain itu, kata Dr. Mahathir, setiap sekolah juga harus menyediakan satu bilik khusus untuk mempamerkan barang-barang mekanikal elektronik.

Mengenai mata pelajaran Pengurusan Diri, Per-

dana Menteri berkata, ia kini diminati bukan sahaja oleh pelajar perempuan tetapi juga lelaki.

“Di hotel banyak lelaki belajar memasak, sekarang ini mereka belajar bukan sahaja di dalam negeri tetapi juga di luar negara.

“Saya biasa berjumpa dengan tukang masak Malaysia di New York, Switzerland dan tempat-tempat di luar negara di mana mereka telah melanjutkan pelajaran mereka dengan bekerja di hotel-hotel terkemuka di dunia,” katanya.

Mengenai Sekolah Menengah Datuk Lokman, Dr. Mahathir berkata, sekolah itu amat menarik terutamanya dari segi komposisi kaum, terdapat banyak penuntut terdiri daripada 60 peratus keturunan Cina bercampur dengan Melayu dan India.

“Ini memberi peluang kepada kita di peringkat awal untuk bercampur gaul dalam aman di sebuah negara yang majmuk,” katanya.